

Suqiu tidak bincang

Oleh Wan Hazmir Bakar dan Teh Kean Kiat

BH

14 DEC 2000

KUALA LUMPUR, Rabu - Jawatankuasa Rayuan Pilihanraya Persatuan-Persatuan Cina Malaysia (Suqiu) tidak berbincang secara rasmi dengan 2,095 pertubuhan Cina sebelum mendapatkan tandatangan mereka sebagai perakuan kepada 83 tuntutanannya.

Sebaliknya, Suqiu menjelajah ke seluruh negara tahun lalu untuk mendapatkan tandatangan pemimpin persatuan berkenaan.

Seorang pegawai Suqiu yang enggan namanya disiarkan

memberitahu *Berita Harian*, draf memorandum itu disediakan hanya menerusi perbincangan di kalangan 11 persatuan peringkat kebangsaan Mei tahun lalu sebelum drafnya disiarkan oleh akhbar Cina pada Ogos 1999.

"Kami tidak ada sesi perbincangan dengan mereka (persatuan lain) pada peringkat kebangsaan. Tetapi di setiap negeri diadakan *roadshow* dan persatuan yang menyokong akan menandatangani memorandum itu," katanya.

Beliau ditanya sama ada Suqiu menjelaskan kepada persatuan yang menandatangani memorandum itu mengenai 83 tuntutan berkenaan supaya mereka dapat mengkaji kesannya.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika menjawab soalan di Dewan Rakyat kelmarin, mempersoalkan sama ada benar Suqiu, yang mendakwa mendapat sokongan ribuan persatuan Cina, benar-benar bermesyuarat dan berbincang dengan mereka.

dengan ahli gabungan

Perdana Menteri berkata, Suqiu mencabar kontrak sosial yang menjadi asas pembentukan Malaysia apabila mendesak kerajaan memenuhi 83 tuntutan itu yang jelas mempersoalkan hak Melayu dan Bumiputera.

Berikutan itu, rakyat pelbagai kaum dari seluruh negara semalam mendesak Suqiu menarik balik tuntutan itu bagi memastikan keharmonian kaum di negara ini sekarang terus dinikmati.

Ditanya apakah Suqiu akan tunduk kepada kehendak ma-

poriti rakyat, pegawai berkenaan berkata jawatankuasa itu tetap dengan pendiriannya walaupun apa juga desakan atau kritikan dilemparkan.

"Kami tidak akan berganjak daripada tuntutan kami," katanya.

Sementara itu, kepimpinan Suqiu hanya berdiam diri apabila menyedari semakin ramai rakyat menentang tuntutan itu.

Naib Pengerusi Suqiu, Tan Sri Ngan Ching Wen, yang dihubungi menerusi pegawainya

berkata, Suqiu tidak akan mengeluarkan kenyataan akhbar mengenai isu itu hari ini.

Pengerusi Suqiu, Quek Suan Hiang pula tidak dapat dihubungi.

Menurut pembantu rumahnya, beliau kini berada di luar negara.

Dalam kenyataan akhbar semalam, Suqiu mempertahankan 83 tuntutanannya adalah wawasan untuk semua serta beraspirasikan masyarakat Malaysia abad ke-21 yang makmur, adil dan progresif.